



Peruntukan khas bantu ibu tunggal

Masalah ibu tunggal di negara ini, antara isu yang sering diperkatakan masyarakat. Ini berikutan, perjalanan hidup seorang wanita yang berstatus ibu tunggal, khususnya tiada pendapatan tetap memang penuh pancaroba dan cabaran.

Justeru, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata peruntukan atau bantuan khas untuk golongan ibu tunggal, antara yang perlu diberi perhatian bagi pembentangan Bajet 2016.

Beliau berkata, dengan keadaan ekonomi semasa yang kian mencabar, peningkatan kos sara hidup terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar, golongan terbabit diuji keupayaan menguruskan diri sendiri dan menampung ahli keluarga secara bersendirian. Malah, mereka juga perlu bersedia dari segi fizikal dan mental untuk berhadapan dengan masyarakat sekeliling yang sering memandang sinis terhadap golongan terbabit.

Tidak dapat nafkah

"Bagi isteri yang dicerai-kan atau ditinggalkan, sudah menjadi satu kelaziman, golongan ini sering ditimpa masalah selepas berlaku perceraian seperti tidak mendapat nafkah daripada bekas suami atau ditinggalkan begitu saja tanpa khabar berita daripada suami mereka. Demi mendapatkan sesuap nasi untuk anak, golongan ini sanggup berjuang memerah keringat supaya hidup



Muzaffar Syah Mallow

mereka lebih terjamin.

"Ada yang sanggup berniaga kecil-kecilan demi mencari nafkah untuk anak. Senario ini, secara tidak langsung memberi kesan kepada wanita terbabit dan anaknya. Oleh itu, melalui Bajet 2016 perlu ada peruntukan khusus untuk golongan ini," katanya.

Muzaffar berkata, peruntukan atau bantuan khas berkenaan boleh meliputi peruntukan atau bantuan kewangan bagi memulakan sesuatu perniagaan, bantuan kewangan bagi perbelanjaan pendidikan anak dan perbelanjaan perubatan diri serta ahli keluarga dan lain-lain lagi.

"Golongan ibu tunggal yang kehilangan suami akibat meninggal dunia, isteri ditinggalkan atau dicerai-kan oleh suami dan yang tidak diberi sebarang nafkah untuk menyara kehidupan selepas perpindahan atau perceraian," katanya.

Masalah didik anak

Beliau berkata, awal bulan lalu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersetuju untuk

memperluaskan definisi ibu tunggal dengan meliputi wanita yang menjadi ketua keluarga, sudah bercerai atau berpisah secara kekal dengan suami dan mempunyai anak belum berkahwin yang tinggal bersamanya.

"Kedua, wanita selaku ketua keluarga dan sudah berkahwin, namun suaminya tidak mampu bekerja ekoran kesihatan yang tidak mengizinkan dan terdapat anak yang belum berkahwin dalam keluarganya manakala, ketiga ialah wanita ketua keluarga dan tidak pernah berkahwin dan mengambil anak angkat atau anak tidak sah taraf.

"Sebagai seorang ibu tunggal, mereka bertanggungjawab membesarkan anak dan ini selalunya dilakukan tanpa pertolongan pasangan suami atau bekas suami atas faktor tertentu," katanya.

Muzaffar berkata, ibu tunggal yang kurang berpendidikan dan berpendapatan kecil, khususnya sering menghadapi masalah dalam proses mendidik anak.

Masalah lain yang sering dihadapi oleh golongan ini juga meliputi beban ekonomi, sosial, psikologi dan masalah berkaitan dengan urusan perundangan.

Oleh itu, adalah menjadi harapan semua pihak supaya satu peruntukan atau bantuan khas diberikan terhadap golongan ibu tunggal supaya golongan terbabit dapat menyambung kehidupan mereka dan meringankan beban kewangan ditanggung dalam menempuh kehidupan mendatang.